

NO. SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 13.11.2017

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam memperkasakan usahawan francais memandangkan francais merupakan model perniagaan terbaik di waktu ekonomi tidak menentu, terutama bagi mereka yang mempunyai wang dan berhasrat menceburkan diri dalam perniagaan tetapi tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan misalnya mereka yang menerima Skim Pemisahan Sukarela (VSS).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan Akta Francais 1998 bagi memastikan hanya syarikat yang berdaya saing dan kompetitif sahaja menawarkan peluang perniagaan secara francais kepada usahawan. Melalui Akta ini, Kerajaan mewajibkan pendaftaran francaisor bagi mewujudkan suasana yang kondusif dalam industri francais dan melindungi kedua-dua pihak sama ada francaisor dan francaisi dengan menjalankan perniagaan secara beretika, adil dan saksama.

Kerajaan juga memperkenalkan pakej francais mikro yang mesra dan mudah kepada masyarakat agar mereka boleh menceburi perniagaan francais dengan kos yang rendah dan operasi yang ringkas. Antara inisiatif kerajaan dalam memperkasakan usahawan francais ialah seperti berikut:

- i. *Business In Transformation* (BIT);
- ii. Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPFT);
- iii. Program Penarafan Francais (*Franchise Rating Programme*);
- iv. Program Pemantapan Francaisor;
- v. Program Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF);
- vi. Program Franchise Expansion (FE);
- vii. Program *Enhanced Franchise Development Programme* (EFDP);
- viii. Program Francais Komuniti;
- ix. Pembiayaan Perniagaan: Skim Pra Francais; dan
- x. Pembiayaan Perniagaan: Skim Pembiayaan Francaisor.